



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR KAEDAH PENDAPATAN 2022**

**Pampasan pekerja meningkat 6.5 peratus pada tahun 2022,  
menyumbang 32.4 peratus kepada KDNK**

**PUTRAJAYA, 26 JULAI 2023** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan bagi tahun 2022. Statistik pendapatan yang dijana daripada pengeluaran dalam ekonomi adalah terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Pampasan Pekerja (PP), Lebihan Kendalian Kasar (LKK) dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import (Cukai bersih).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pada tahun 2022, KDNK Malaysia dari segi nominal mencatatkan nilai sebanyak RM1,791.4 bilion, peningkatan 15.7 peratus daripada 9.2 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan dalam KDNK didorong oleh pretasi LKK yang lebih tinggi berbanding PP. LKK berkembang 23.9 peratus (2021: 14.0%), sementara PP meningkat 6.5 peratus (2021: 2.7%). Oleh itu, sumbangan PP terhadap KDNK menurun kepada 32.4 peratus berbanding 35.1 peratus pada tahun 2021, manakala sumbangan LKK mengukuh kepada 67.0 peratus (2021: 62.6%). Komponen selebihnya disumbangkan oleh Cukai bersih iaitu 0.6 peratus berbanding 2.3 peratus daripada KDNK pada tahun 2021.”

Komponen PP, yang merangkumi saraan yang diterima oleh pekerja untuk perkhidmatan buruh yang disediakan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan, adalah dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. PP dalam sektor Perkhidmatan berkembang 5.6 peratus (2021: 1.7%), yang disokong oleh pertumbuhan yang lebih baik dalam semua subsektor, terutamanya Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Dalam sektor Pembuatan, PP meningkat 8.6 peratus (2021: 8.1%), disumbangkan oleh produk Elektrik, Elektronik dan Optik. Selain itu, PP dalam Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian menokok masing-masing sebanyak 9.0 peratus (2021: -3.4%) dan 10.3 peratus (2021: 5.1%). Sementara itu, PP dalam sektor Pertanian pulih kepada 2.3 peratus daripada penguncutan 1.4 peratus pada tahun 2021.

Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang terbesar kepada keseluruhan PP dengan sumbangan 62.2 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan yang mewakili 24.1 peratus. Kedua-dua sektor ini menyumbang 86.3 peratus daripada PP pada tahun 2022. Selebihnya adalah daripada sektor Pembinaan dan Pertanian, masing-masing menyumbang 8.1 peratus dan 3.6 peratus. Sektor perlombongan dan pengkuarian merangkumi 2.1 peratus daripada PP pada tahun 2022.

Beliau menambah, LKK meningkat 23.9 peratus daripada 14.0 peratus pada tahun 2021. Pertumbuhan ini diterajui oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. LKK dalam sektor Perkhidmatan meningkat ketara 20.7 peratus (2021: 4.0%), didorong oleh pertumbuhan dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan. Seterusnya, LKK dalam sektor Pembuatan terus berkembang kepada 26.2 peratus (2021: 22.0%) berikutan peningkatan dalam kesemua subsektor terutamanya Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. LKK bagi sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing meningkat 37.8 peratus (2021: 0.6%) dan 47.9 peratus (2021: 28.8%). Ini diikuti oleh LKK dalam sektor Pertanian yang meningkat 10.2 peratus daripada 38.8 peratus pada tahun sebelumnya.

Dari segi sumbangan, sektor Perkhidmatan merangkumi sebahagian besar daripada keseluruhan LKK pada tahun 2022 iaitu 50.0 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan, dengan sumbangan 23.5 peratus daripada LKK. Sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pertanian masing-masing menyumbang 13.3 peratus dan 11.6 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan membentuk 1.6 peratus daripada LKK pada tahun 2022.

Pendapatan yang diterima oleh Kerajaan dalam bentuk Cukai bersih telah merekodkan penurunan dari segi sumbangan iaitu 0.6 peratus daripada jumlah ekonomi yang dipengaruhi oleh pemberian Subsidi yang lebih tinggi berbanding kutipan Cukai ke atas pengeluaran dan import pada tahun 2022. Cukai ke atas pengeluaran dan import meningkat 23.8 peratus, manakala Subsidi mencatatkan pertumbuhan mendadak 134.4 peratus sebagai tindak balas Kerajaan dalam meredakan tekanan inflasi dan usaha pemulihan ekonomi yang berterusan. Justeru, komponen Cukai bersih terus menyusut 69.2 peratus pada tahun 2022, berbanding penurunan 7.4 peratus pada tahun 2021.

Sebagai perbandingan negara-negara di rantau Asia Tenggara seperti Thailand, Filipina dan Singapura menunjukkan sumbangan LKK yang lebih besar kepada KDNK berbanding PP. Sebaliknya, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Kanada dan beberapa negara Eropah menunjukkan sumbangan PP yang lebih besar berbanding LKK. PP membentuk lebih daripada 50.0 peratus daripada KDNK di AS (53.0%), Kanada (50.6%), United Kingdom (52.9%) dan Jerman (52.3%), seperti yang digambarkan dalam **Carta 3**.

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 26 Julai 2023**

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JULAI 2023**

**Carta 1: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Pampasan Pekerja mengikut Sektor**




**Carta 2: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Lebihan Kendalian Kasar mengikut Sektor**



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 26 Julai 2023

### Carta 3: Sumbangan Komponen Pendapatan kepada KDNK bagi Negara Terpilih, 2022



Sumber: Pengiraan berdasarkan laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**GROSS DOMESTIC PRODUCT INCOME APPROACH 2022**

***Compensation of employees grew 6.5 per cent in 2022,  
contributed 32.4 per cent of GDP***

**PUTRAJAYA, 26 JULY 2023 –** The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the Statistics of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) Income Approach for the year 2022. The statistics of income generated from production in the economy comprise three key components, namely Compensation of Employees (CE), Gross Operating Surplus (GOS) and Taxes less Subsidies on Production and Imports (Net taxes).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In 2022, Malaysia's GDP in nominal terms valued at RM1,791.4 billion, increased 15.7 per cent from 9.2 per cent in the previous year. The expansion in GDP was propelled by the higher performance in GOS as compared to CE. GOS expanded 23.9 per cent (2021: 14.0%), while CE grew 6.5 per cent (2021: 2.7%). Hence, the share of CE to GDP decreased to 32.4 per cent as against 35.1 per cent in 2021, while GOS strengthened its contribution to 67.0 per cent (2021: 62.6%). The remaining component was contributed by Net taxes, which accounted for 0.6 per cent as compared to 2.3 per cent of GDP in 2021."

The CE component, which encompasses the remuneration received by employees for their labour services provided in the production of goods and services, was driven by the Services and Manufacturing sectors. CE in the Services sector expanded 5.6 per cent (2021: 1.7%), which was supported by better growth in all sub-sectors, mainly Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation. In the Manufacturing sector, CE grew at 8.6 per cent (2021: 8.1%), attributed to the Electrical, electronic and optical products. Furthermore, CE in Construction and Mining & quarrying accelerated with a growth of 9.0 per cent (2021: -3.4%) and 10.3 per cent (2021: 5.1%), respectively. Meanwhile, CE in the Agriculture sector rebounded 2.3 per cent from a contraction of 1.4 per cent in 2021.

The Services sector continued to be the largest contributor to the overall CE amounting to 62.2 per cent, followed by the Manufacturing sector which accounted for 24.1 per cent. Both sectors contributed 86.3 per cent of CE in 2022. The remaining CE was contributed by Construction and Agriculture sectors, which represented 8.1 per cent and 3.6 per cent, respectively. The Mining and quarrying sector made up 2.1 per cent of the CE in 2022.

He added, GOS increased 23.9 per cent from 14.0 per cent in 2021. The growth was spearheaded by the Services and Manufacturing sectors. GOS in the Services sector grew at the fastest rate of 20.7 per cent (2021: 4.0%), driven by growth in Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation sub-sector. Subsequently, GOS in the Manufacturing sector further expanded to 26.2 per cent (2021: 22.0%) following an upswing in all sub-sectors, primarily Petroleum, chemical, rubber and plastic products. The GOS of Construction and Mining & quarrying sectors increased by 37.8 per cent (2021: 0.6%) and 47.9 per cent (2021: 28.8%), respectively. This was followed by the GOS of Agriculture sector, which grew 10.2 per cent from 38.8 per cent in the previous year.

In terms of share, Services sector made a substantial contribution to the overall GOS, which amounted to 50.0 per cent in 2022. This was followed by the Manufacturing sector, with a share of 23.5 per cent of the GOS. The Mining & quarrying and Agriculture sectors accounted for 13.3 per cent and 11.6 per cent, respectively. Meanwhile, Construction sector formed 1.6 per cent of GOS in 2022.

Income received by the Government in the form of Net taxes, experienced a decline in its share with 0.6 per cent of the total economy owing to higher Subsidies than Tax collection on production and imports in 2022. Taxes on production and imports increased 23.8 per cent, while Subsidies recorded a remarkable growth of 134.4 per cent in response to the Government's measures to ease inflation and ongoing economic recovery efforts. Hence, the net taxes component further declined by 69.2 per cent in 2022, as against a decrease of 7.4 per cent in 2021.

In comparison to selected countries in the South East Asia region, namely Thailand, Philippines and Singapore, indicated a larger share of GOS than CE in GDP. In contrast, developed countries such as the United States (US), Canada and several European countries demonstrated a greater contribution of CE compared to GOS. The CE constituted more than 50.0 per cent of GDP in the US (53.0%), Canada (50.6%), United Kingdom (52.9%) and Germany (52.3%), as illustrated in **Chart 3**.

**Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 26<sup>th</sup> July 2023**

*DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.*


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**


**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**26 JULY 2023**


**Chart 1: Annual Percentage Change of Compensation of Employees and Share by Sectors**



**Chart 2: Annual Percentage Change of Gross Operating Surplus and Share by Sectors**



**Chart 3: Contribution of Income Component to GDP by Selected Countries, 2022**



Source: Calculation based on official website of National Statistical Office